

19/11/1998

Sokongan tidak kena tempat

Amidi Abdul Manan

KENYATAAN Naib Presiden Amerika Syarikat, Al Gore mengenai sokongannya terhadap gerakan reformasi tidak kena pada tempatnya.

Sebagai tetamu, dia diundang dan diraikan dengan penuh hormat ketimuran, tambahan pula dia adalah wakil kerajaan yang paling berpengaruh dalam dunia.

Beliau boleh untuk mengemukakan sokongan itu tanpa menjatuhkan air muka tuan rumah dengan membuat pertemuan dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri.

Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia (PKPIM) percaya Perdana Menteri boleh menerima dan mengalu-alukan kunjungan itu. Sudah tentu ini akan menambahkan lagi rasa hormat dan kemesraan antara kedua-dua belah pihak.

Kenyataan itu juga mengundang pelbagai tafsiran kepada pergerakan rakyat ini. Amerika Syarikat cuba untuk menanggung di air keruh untuk meletakkan namanya sebagai pejuang kepada demokrasi dan kebebasan bersuara.

Walhal di Amerika Syarikat sendiri terbukti demokrasi tidak berjalan dengan baik. Perjuangan keadilan di negara ini tidak memerlukan sokongan yang sebegitu apatah lagi disampaikan dengan penuh biadab. PKPIM percaya rakyat negara ini bijak untuk menangani kegawatan tanpa perlu diajar oleh sesiapa. Pemimpin kita juga tahu kehendak rakyat dan tahu rakyat tidak merelakan kezaliman dan penindasan daripada terus berlaku.